

# Hj. Osman hartawan Melayu yang terkaya?

**H**AJI Osman Kaya, sebagaimana gelaran-nya dipercayai hartawan Melayu yang paling kaya. Kekayaannya dapat dilihat dengan jelas — mempunyai lebih 100 buah rumah dan rumah kedai di merata Singapura.

Harta tanahnya berselerak di sekitar Arab Street, North Bridge Road, Jalan Besar, Bencoolen Street, Manila Street, Middle Road dan beberapa daerah lain. Kebanyakannya disewakan kepada peniaga-peniaga Cina.

Haji Osman (nama sebenar Haji Abu Naim) memulakan perniagaan runcit setelah tiba di sini dari Banjarmasin, sebuah daerah di Kalimantan, yang terkenal dengan intan berlian lewat kurun 19.

Seperti kebanyakan peniaga Banjar, beliau memperoleh berlian 'mentah' yang dikaut dari dasar laut sekitar Pontianak dan dicanai sebelum dibawa ke Singapura untuk dijual, kebanyakannya kepada orang Inggeris dan Cina.

Keuntungan yang diperolehi dari penjualan berlian itu disimpan dan sebaik-baik saja mencukupi, beliau membeli rumah. Begitulah beliau lakukan tahun demi tahun sehinggakan rumahnya terdapat di mana-mana.

Seorang cucunya, Haji Abu Naim (menggunakan nama datuknya), Haji Osman Kaya banyak berurusan dengan saudagar-saudagar Inggeris, walaupun beliau tidak tahu bertutur bahasa asing itu.

Bilangan rumahnya mungkin lebih banyak jika tidak kerana kesihatannya yang terganggu. Beliau meninggal dunia pada 1905 berumur kira-kira 60 tahun di 'Rumah Besar' — tapaknya tidak jauh dari Balai Rakyat Kampong Glam sekarang.

Beliau telah dikebumikan di tanah perkuburan belakang Masjid Malhari di sempang Victoria Street dan Jalan Sultan.